



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 04/10

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI WARGA TENTARA UDARA DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

1. **TERENGGANU, 20 OKTOBER 2024** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari hari ini telah mengadakan lawatan kerja ke Pangkalan Udara Gong Kedak (PU Gong Kedak), Terengganu bagi mendapatkan gambaran yang jelas pengoperasian pangkalan operasi TUDM khususnya skuadron pesawat pejuang serta elemen-elemen sokongan dalam melaksana tugas-tugas operasi.
2. Semasa lawatan, Timbalan Menteri Pertahanan telah diberikan **taklimat oleh Komander Pangkalan Udara Gong Kedak, Kolonel Mohd Norazan bin Othman TUDM** berkenaan rutin pengoperasian udara melibatkan kawasan operasi PU Gong Kedak dalam memastikan keselamatan ruang udara negara. Lawatan bermula di Hangar Nombor 12 Skuadron sebelum bergerak ke MATRA 3 untuk melihat pengoperasian *Automated Storage Retrieval System* (ASRS) yang digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk memohon dan memesan alat ganti atau peralatan sistem pesawat. Timbalan Menteri Pertahanan juga berpeluang melawat Bangunan Simulator yang digunakan oleh pihak TUDM untuk melatih Juruterbang Pesawat Sukhoi menggunakan sistem latihan simulator sebelum dipersembahkan dengan demonstrasi terbang lintas pesawat melibatkan Pesawat SU-30MKM di Pandang Puteri.
3. Timbalan Menteri Pertahanan juga telah menziarahi dan menyampaikan **sumbangan kebajikan 2 orang anak anggota tentera TUDM yang menghidap penyakit kronik dan cedera dalam kemalangan**. Turut berlangsung adalah majlis penyampaian sumbangan kebajikan kepada 10 orang penerima sumbangan termasuk sumbangan pemberian sistem pembesar suara bagi kemudahan Masjid Ar Raudhah PU Gong Kedak.
4. Aspek kebajikan adalah antara agenda utama penganjuran keseluruhan program selain memastikan kesiagaan pertahanan udara sentiasa di tahap yang tinggi. Timbalan Menteri Pertahanan akan terus komited dalam perkara-perkara kebajikan dalam memastikan pertahanan negara sentiasa di tahap yang tinggi. Hadir sama dalam Lawatan Kerja Timbalan Menteri Pertahanan ke PU Gong Kedak ialah Panglima Wilayah Udara 1; Mejaz Jeneral Dato' Mahadzer bin Amin TUDM.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”